

7

Harga, Gunatenaga dan Upah

Berpendukan Indeks Harga Pengguna (IHP, 1994=100), inflasi meningkat 3% dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1999 berbanding dengan peningkatan sebanyak 5.2% bagi tempoh yang sama pada tahun 1998. Bagi keseluruhan tahun 1999, IHP dijangka kekal di paras 3% memandangkan IHP bulanan telah berkurangan daripada kadar tertinggi 6.2% pada bulan Jun 1998 kepada 2.1% pada bulan September 1999. Penetapan tukaran ringgit berbanding dolar AS, kemerosotan harga barangan bukan minyak dan lebih kapasiti dalam ekonomi tempatan telah mengurangkan tekanan harga. Di samping itu, inflasi yang rendah di negara-negara perindustrian utama khususnya di negara rakan dagangan utama, telah menyederhanakan peningkatan harga dalam negeri. Indeks Harga Pengeluar (IHGP) yang merosot ketara kepada 4.8% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini juga dijangkakan merosot 3.1% untuk keseluruhan tahun 1999, berbanding dengan peningkatan 10.7% pada tahun 1998.

Keadaan pasaran buruh telah bertambah baik pada tahun 1999 berdasarkan pemberhentian kerja yang berkurangan dan kekosongan jawatan yang meningkat. Memandangkan bilangan pencari kerja yang memasuki pasaran buruh dijangka meningkat serta lebih kapasiti yang wujud dalam industri tempatan, tekanan terhadap upah dijangka kekal rendah. Kadar pengangguran dijangka bertambah baik iaitu daripada 3.2% pada tahun 1998 kepada 3% pada tahun 1999.

Harga

IHP meningkat sederhana sebanyak 3% dalam tempoh sembilan bulan pertama pada tahun 1999 berbanding dengan peningkatan 5.2% dalam

tempoh yang sama pada tahun 1998. Walaupun permintaan pengguna mula meningkat dan kadar faedah semakin rendah, tekanan inflasi kekal pada tahap yang rendah disebabkan lebih kapasiti dalam ekonomi. Seterusnya, kestabilan harga di negara rakan dagangan utama dan penetapan ringgit berbanding dolar AS pada kadar RM1=AS\$0.2632 (AS\$1=RM3.80) menyebabkan inflasi yang diimport lebih rendah. Di Semenanjung Malaysia, IHP mencatatkan peningkatan 3.2% dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1999 berbanding dengan 5.4% dalam tempoh yang sama tahun 1998. Bagi Sabah, indeks meningkat 2.8% berbanding dengan 4.1%, sementara bagi Sarawak, IHP meningkat 1.7% berbanding dengan 4.3% dalam tempoh yang sama pada tahun 1998.

Peningkatan IHP secara keseluruhannya disebabkan oleh peningkatan harga barangan makanan, sewa kasar, bahan api dan kuasa serta pengangkutan dan perhubungan. Indeks kecil makanan meningkat sederhana sebanyak 5% dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1999 berbanding dengan peningkatan 8.9% dalam tempoh yang sama pada tahun 1998, dan menyumbang 63% kepada peningkatan dalam IHP bagi tempoh tersebut. Tanpa mengambilkira kumpulan kecil makanan, IHP terlaras hanya meningkat 1.9%. Dalam kumpulan tersebut, indeks bagi makanan di rumah bagi tempoh Januari hingga September 1999 mencatatkan peningkatan 5.2% berbanding dengan 9.2% bagi tempoh yang sama pada tahun 1998. Manakala indeks bagi makanan di luar rumah meningkat 4.4% berbanding dengan 8.1% dalam tempoh yang sama pada tahun 1998. Pada awal tahun 1999, harga bagi ayam, ikan dan daging meningkat dengan ketara berikutan permintaan yang tinggi disebabkan kekurangan bekalan daging khinzir di pasaran, berikutan tercetusnya wabak virus Japanese Encephalitis (JE) dan Nipah. Sejak krisis tersebut, jualan ayam


di Semenanjung Malaysia meningkat hampir 50% daripada 800,000 kepada 1.2 juta ekor sehari. Penggunaan di Lembah Klang mencatatkan jumlah sebanyak 500,000 ekor sehari iaitu peningkatan sekali ganda daripada paras sebelum krisis. Bagi membendung turun naik harga ayam, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah menjalankan pemeriksaan harian untuk memastikan peraturan harga yang ditetapkan oleh Kementerian dipatuhi. Berikutan dari itu, harga ayam kekal di bawah RM6.00 sekilogram.

Sebagai langkah untuk meningkatkan bekalan makanan, Kerajaan telah menyediakan beberapa galakan tambahan dengan memperluaskan skop Elaun Pelaburan Semula (semenjak Belanjawan 1996) bagi meliputi pengeluaran barangan makanan utama. Ianya juga menyediakan pengecualian duti import bagi peralatan tertentu dan input yang digunakan secara langsung dalam pengeluaran makanan secara komersil atau perusahaan berkumpulan. Kerajaan juga menyediakan galakan pelepasan kumpulan yang membenarkan syarikat-syarikat besar menghapus kira kerugian yang ditanggung dalam pengeluaran barangan makanan yang dibenarkan daripada keuntungan bagi lain-lain syarikat dalam kumpulan yang sama, bagi tujuan cukai pendapatan. Ini adalah selaras dengan Dasar Pertanian Negara (DPN) yang menekankan penggunaan kaedah teknologi yang lebih baik dalam pengeluaran makanan secara komersil. Sebagai tambahan, bagi mempertingkatkan bekalan dan pengagihan sayur-sayuran, beberapa langkah telah diambil untuk mempercepatkan pajakan tanah daripada Kerajaan negeri, di samping meningkatkan sistem pembungkusan dan pengagihan.

Kerajaan telah melancarkan 'Dana Pertanian' bagi menyediakan pembiayaan projek pertanian bernilai antara RM50,000 hingga RM3 juta. Peruntukan tambahan sebanyak RM100 juta telah disediakan kepada 'Dana Pertanian' sebagai tambahan kepada peruntukan asal sebanyak RM300 juta. Di bawah Skim Tabung Untuk Makanan, sejumlah 2,276 permohonan bernilai RM610.8 juta telah diluluskan pada akhir Ogos tahun ini. Daripada jumlah tersebut, sektor ternakan mencatatkan jumlah pinjaman tertinggi yang diluluskan sebanyak RM310.4 juta, diikuti oleh sektor sayur-sayuran dan buah-buahan sebanyak RM142.2 juta, perikanan (RM98.5 juta), pemerosesan makanan (RM49.3 juta) dan pengagihan dan pemasaran (RM10.3 juta).

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) juga sedang meneliti perbezaan harga yang wujud di pasar-pasar tani. Petani-petani adalah digalakkan untuk memasarkan keluaran pertanian mereka secara langsung kepada pengguna. Sehubungan ini, FAMA juga telah memajukan konsep yang dikenali sebagai 'sudut hijau' yang mana gerai-gerai didirikan berhampiran pejabat, perhentian bas dan tempat strategik lain bagi menyediakan kemudahan kepada pengguna untuk membeli sayur-sayuran dan buah-buahan. Bagi memastikan harga sentiasa terkawal, jentera penguatkuasa dan pemeriksaan harga ke atas barangan keperluan dan pemantauan harga terhadap 233 barangan asas secara mingguan melalui 34 pusat pungutan telah dipertingkatkan. KPDNHEP telah juga membuka 16 pejabat baru di seluruh negara dan mengambil 200 pegawai daripada Kementerian Pertanian bagi menjalankan tugas penguatkuasaan.

Carta 7.1
Indeks Harga Pengguna (1994 = 100)
(perubahan tahunan)



Jadual 7.1**Malaysia: Indeks Harga Pengguna
(1994 = 100)**

		<i>Perubahan Tahunan (%) (Januari-September)</i>		
	<i>Wajaran</i>	<i>1998</i>	<i>1998</i>	<i>1999</i>
Jumlah	100.0	5.3	5.2	3.0
Makanan	34.9	8.9	8.9	5.0
Minuman dan tembakau	3.6	4.3	2.8	9.4
Pakaian dan kasut	3.6	0.4	0.7	-2.1
Sewa kasar, bahan api dan kuasa	21.1	4.4	4.5	1.8
Perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah	5.6	3.9	3.7	1.7
Perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan	1.9	6.2	6.0	3.4
Pengangkutan dan perhubungan	17.9	-0.1	0.0	0.3
Perkhidmatan, rekreasi, hiburan, pelajaran dan kebudayaan	5.8	3.3	2.9	3.0
Pelbagai barang dan perkhidmatan	5.6	7.1	7.3	1.7
Semenanjung Malaysia	100	5.5	5.4	3.2
Sabah	100	4.3	4.1	2.8
Sarawak	100	4.2	4.3	1.7

Sumber: Jabatan Perangkaan

Jadual 7.2**Malaysia: Indeks Harga Pengguna
Bagi Makanan
(1994 = 100)**

		<i>Perubahan Tahunan (%) (Januari-September)</i>		
	<i>Wajaran</i>	<i>1998</i>	<i>1998</i>	<i>1999</i>
Jumlah Makanan	34.9	8.9	8.9	5.0
Makanan di rumah	25.1	9.1	9.2	5.2
Beras, roti dan bijirin lain	5.5	6.9	5.9	5.3
Daging	3.8	8.1	8.7	-0.4
Ikan	4.9	9.1	9.3	11.2
Susu dan telur	2.3	4.7	4.4	4.3
Minyak dan lemak	0.7	5.2	5.6	2.2
Buah-buahan dan sayur-sayuran	5.4	14.1	15.1	3.6
Gula	0.6	19.3	18.7	2.0
Kopi dan teh	0.8	10.1	9.3	4.6
Makanan lain	1.1	4.2	3.7	4.7
Makanan di luar rumah	9.8	8.4	8.1	4.4

Sumber: Jabatan Perangkaan

Di antara barang bukan makanan, indeks bagi minuman dan tembakau serta perkhidmatan rekreasi, hiburan, pelajaran dan kebudayaan telah meningkat lebih tinggi pada kadar 9.4% dan 3.0% berbanding dengan 2.8% dan 2.9% bagi tempoh Januari hingga September tahun lalu. Sebaliknya, indeks harga bagi kumpulan ketiga terbesar dalam IHP iaitu pengangkutan dan perhubungan telah meningkat pada kadar yang rendah 0.3% berikutan penurunan indeks harga bagi kereta, petrol dan minyak motor serta premium insurans antara 0.1% dan 0.4%. Peningkatan sederhana ini, walau bagaimanapun, telah diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan bayaran tambang bagi pengangkutan awam.

IHP bagi perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan yang merupakan 1.9% daripada wajaran dalam bakul pengguna telah meningkat lebih tinggi daripada paras purata. Sebaliknya, peningkatan harga sederhana antara 1.7% hingga 3.0% dicatatkan bagi sewa kasar, bahan api dan kuasa (wajaran: 21.1%), perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah, perkhidmatan rekreasi, hiburan, pelajaran dan kebudayaan serta pelbagai barangan dan perkhidmatan. IHP bagi minuman dan tembakau meningkat 9.4% sebahagiannya disebabkan oleh peningkatan duti import dan eksais ke atas tembakau dan minuman keras dalam Belanjawan 1999.


Di peringkat kawasan, IHP bagi Sabah meningkat 2.8% bagi sembilan bulan pertama 1999 (Januari - September 1998: 4.1%) disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam harga makanan sebanyak 6.1%. Komponen lain yang turut menyumbang kepada peningkatan IHP Sabah ialah minuman dan tembakau, pelbagai barangan

dan perkhidmatan serta perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah. Sebaliknya, harga bagi pakaian dan kasut serta sewa kasar, bahan api dan kuasa merosot sebanyak 1.2% dan 1.0% bagi tempoh yang sama. IHP bagi Sarawak, walau bagaimanapun, meningkat lebih rendah sebanyak 1.7% (Januari hingga September 1998: 4.3%) disebabkan peningkatan sederhana 3.5% indeks makanan iaitu komponen utama IHP. Komponen lain yang harganya turut meningkat ialah minuman dan tembakau, perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan, perkhidmatan rekreasi, hiburan, pelajaran dan kebudayaan serta pelbagai barangan dan perkhidmatan.

Jabatan Perangkaan juga telah mengeluarkan IHP kumpulan berpendapatan rendah bagi menyediakan petunjuk perubahan harga untuk barangan dan perkhidmatan asas yang melibatkan kuasa beli pengguna dalam kategori ini. Bagi tempoh lapan bulan pertama tahun ini, purata IHP bagi yang berpendapatan bulanan di bawah RM1,000 menunjukkan peningkatan sebanyak 4% berbanding dengan 6.2% bagi keseluruhan tahun 1998. Manakala IHP bagi yang berpendapatan bulanan di bawah RM1,500 meningkat lebih rendah pada 3.7% berbanding 5.8% pada tahun 1998. Peningkatan lebih tinggi IHP bagi kumpulan berpendapatan RM1,000 ke bawah adalah kerana kira-kira 43% daripada pendapatan bulanan mereka dibelanjakan untuk makanan. IHP bagi kawasan luar bandar menunjukkan peningkatan 3.5% iaitu lebih tinggi daripada paras purata bagi lapan bulan pertama 1999. Manakala IHP bagi kawasan bandar pula meningkat pada kadar 3%. Peningkatan IHP luar bandar yang lebih tinggi adalah disebabkan oleh sebahagian besar daripada pendapatan pengguna luar bandar juga dibelanjakan untuk makanan.

Dalam usaha untuk memberi perlindungan yang lebih kepada pengguna, Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang akan digazetkan pada akhir tahun ini, antara lain memperuntukkan hukuman ke atas perbuatan penyelewengan dan penipuan serta amalan tidak adil. Kerajaan akan mengkaji keberkesanan Akta ini, terutamanya dari segi tuntutan ganti rugi oleh pengguna serta persetujuan oleh pembekal dan pengeluar serta tribunal tuntutan yang akan membicarakan tuntutan pengguna yang bernilai tidak melebihi daripada RM10,000.

Carta 7.2
Indeks Harga Pengeluaran (1989 = 100)
(perubahan tahunan)



Jadual 7.3**Malaysia: Indeks Harga Pengeluar
(1989 = 100)**

		<i>Perubahan Tahunan (%) (Januari-Ogos)</i>		
	<i>Wajaran</i>	<i>1998</i>	<i>1998</i>	<i>1999</i>
Ekonomi tempatan	100.0	10.7	13.5	-4.8
Makanan dan binatang hidup yang boleh dimakan	14.9	8.5	9.8	-1.6
Minuman dan tembakau	2.1	1.5	0.1	11.8
Bahan mentah tidak boleh dimakan kecuali bahan api	18.0	3.0	3.5	-4.7
Minyak galian, pelincir dan bahan yang berkaitan	18.8	-2.6	2.7	3.0
Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran	8.5	63.8	77.4	-26.6
Kimia dan keluaran kimia t.s.t.l	4.4	4.7	5.8	1.1
Barang perkilangan dijeniskan mengikut bahan	10.8	6.8	6.0	-1.3
Alat-alat jentera dan kelengkapan pengangkutan	18.3	5.9	7.8	-0.8
Pelbagai barang keluaran kilang	3.6	5.4	5.1	1.9
Pelbagai perniagaan dan barangan yang tidak dikelaskan secara khusus dalam S.I.T.C	0.6	2.1	2.2	-0.7
Pengeluaran tempatan	79.3	11.2	14.1	-5.7
Import	20.7	9.2	11.0	-0.9

Sumber: Jabatan Perangkaan

Di peringkat pengeluar, Indeks Harga Pengeluar (IHPG, 1989=100) terus merosot pada kadar 4.8% bagi tempoh Januari hingga Ogos 1999 berbanding dengan kenaikan 13.5% bagi tempoh yang sama pada tahun lalu. Ini disebabkan terutamanya oleh penurunan nilai ringgit. IHPG diguna bagi mengukur harga barangan akhir dan perantaraan yang dikenakan oleh pengeluar tempatan dan dibayar oleh pengimport. IHPG bagi minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran merosot 26.6% bagi tempoh Januari hingga Ogos 1999 berbanding dengan peningkatan ketara 77.4% bagi tempoh yang sama pada tahun 1998. Komponen lain yang juga mengalami kemerosotan harga ialah bahan mentah tidak boleh dimakan kecuali bahan api (-4.7%), makanan dan binatang hidup yang boleh dimakan (-1.6%), barang perkilangan yang dijeniskan mengikut bahan (-1.3%) dan alat-alat jentera serta kelengkapan pengangkutan (-0.8%).

Gunatenaga

Pemulihan ekonomi pada tahun 1999 dijangka dapat memberi lebih banyak peluang pekerjaan kepada pencari-pencari kerja dan ini akan mewujudkan suasana lebih stabil dalam pasaran buruh. Jumlah gunatenaga pada tahun 1999 dijangka meningkat 1.7% kepada 8.741 juta berbanding dengan kemerosotan sebanyak 2.5% pada tahun 1998. Berikutan itu, kadar pengangguran dijangka meningkat 3.0% pada tahun 1999 berbanding dengan 3.2% pada tahun 1998.

Bagi meminimumkan kesan krisis kewangan ke atas gunatenaga, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah berikut:—

- (i) majikan dikehendaki memaklumkan Jabatan Tenaga Rakyat sekurang-kurangnya sebulan sebelum mengambil langkah pemberhentian pekerja;
- (ii) menyediakan garis panduan pemberhentian pekerja;
- (iii) mewujudkan pasukan petugas di peringkat negeri dan daerah untuk menyediakan khidmat nasihat kepada pekerja yang diberhentikan;
- (iv) menyemak semula Akta Gunatenaga, 1955 bagi menyediakan amalan gunatenaga yang lebih fleksibel;

- (v) majikan digalakkan untuk mengambil langkah penjimatan kos seperti potongan gaji, mengurangkan waktu bekerja, pemberhentian sementara atau secara sukarela di samping menyediakan panduan kerjaya kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan untuk mendapatkan pekerjaan baru;
- (vi) menyediakan dana dengan peruntukan sejumlah RM5 juta bagi melatih pekerja-pekerja yang diberhentikan; dan
- (vii) majikan yang masih menghadapi masalah kewangan dikecualikan daripada membayar levi kepada Tabung Pembangunan Sumber Manusia.

Gunatenaga dalam sektor pertanian, perhutanan dan perikanan bagi tahun 1999 dijangka terus merosot 0.1% kepada 1.399 juta orang (1998: 1.401 juta orang). Gunatenaga di sektor perlombongan dan kuari juga dijangka merosot 0.7% kepada 41,900 orang. Sektor pembinaan pula dijangka merosot 0.7% kepada 803,800 orang berbanding dengan kemerosotan ketara 7.6% pada tahun 1998. Gunatenaga di sektor perkilangan yang merupakan 27.1% daripada jumlah keseluruhan gunatenaga dijangka meningkat 4.0% kepada 2.368 juta orang selepas mengalami kemerosotan sebanyak 4.1% pada tahun 1998. Begitu juga dengan gunatenaga di sektor kewangan, insurans, perkhidmatan perniagaan dan hartanah dijangka meningkat sebanyak 0.6%. Sementara gunatenaga di sektor pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan dijangka meningkat 1.5% berikutan pemulihan berterusan dalam ekonomi tempatan.

Pasaran pekerjaan bagi tempoh Januari hingga Julai 1999 menunjukkan pemulihan ketara dengan bilangan kerja kosong yang dilaporkan kepada Jabatan Tenaga Rakyat meningkat 23.8% kepada 57,214 kekosongan. Pada masa yang sama, bilangan pencari pekerja aktif yang mendaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat telah meningkat 17.7% kepada 247,998 orang (Januari hingga Julai 1998: 210,631 orang). Kebanyakan daripada pencari kerja aktif datangnya daripada Wilayah Persekutuan, yang merupakan 18.1% daripada jumlah pencari kerja aktif, diikuti oleh Sabah (11%), Sarawak (9%) dan Kedah (9%). Berasaskan kumpulan pekerjaan, bilangan pencari kerja teramai adalah dibidang perkeranian dan kerja-kerja berkaitan yang mencatatkan 116,041 orang.

Pencari kerja dalam kumpulan umur 20-24 tahun yang merupakan kumpulan terbesar (47%) meningkat 13.3% kepada 116,529 pencari kerja pada akhir Julai 1999. Kumpulan kedua terbesar iaitu lingkungan umur 15-19 tahun, meningkat lebih tinggi pada 23.4% kepada 56,642 pendaftar. Ini menunjukkan lepasan sekolah merupakan bilangan pencari kerja teramai dalam pasaran kerja. Kebanyakan daripada mereka adalah pemegang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mana mencatatkan peningkatan 16.1% kepada 126,650 orang pada akhir Julai 1999.

Pada akhir Julai 1999, bilangan kerja kosong yang dilaporkan oleh Jabatan Tenaga Rakyat, meningkat 23.8% (57,214 kekosongan) berbanding

Jadual 7.4


Malaysia: Gunatenaga Mengikut Sektor (1998-1999)

	1998		1999 ¹	
	('000)	(% Sumbangan)	('000)	(% Sumbangan)
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,401.1	16.3	1,399.2	16.0
Perlombongan	42.2	0.5	41.9	0.5
Perkilangan	2,277.1	26.5	2,368.3	27.1
Pembinaan	809.7	9.4	803.8	9.2
Elektrik, gas dan air	70.0	0.8	72.1	0.8
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	1,437.0	16.7	1,449.5	16.6
Kewangan, insurans, hartanah dan perniagaan	417.8	4.9	420.3	4.8
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	435.3	5.1	441.9	5.1
Perkhidmatan Kerajaan	874.8	10.2	876.5	10.0
Perkhidmatan lain	831.9	9.7	867.2	9.9
Sektor Pertama	1,443.3	16.8	1,441.1	16.5
Sektor Kedua	3,086.8	35.9	3,172.1	36.3
Sektor Ketiga	4,066.8	47.3	4,127.5	47.2
JUMLAH	8,596.9	100.0	8,740.7	100.0

¹ Jangkaan

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Carta 7.3
Petunjuk-petunjuk Gunatenaga



tempoh yang sama pada tahun lalu (46,202 kekosongan). Kumpulan pekerjaan yang mencatat bilangan kekosongan terbanyak ialah di bidang pengeluaran dan kerja-kerja yang berkaitan, pengangkutan, operator peralatan dan buruh iaitu sebanyak 41,048 kekosongan atau 71.7% daripada jumlah keseluruhan. Walau bagaimanapun, sektor pertanian dilaporkan mengalami kadar peningkatan tertinggi bilangan kerja kosong iaitu pertambahan 757.2% kepada 7,072 (Januari hingga Julai 1998: 825). Kekosongan bagi kumpulan profesional, teknikal dan kerja-kerja yang berkaitan juga tinggi iaitu sebanyak 1,866 (Januari-Julai 1998: 1,749). Sebaliknya, kekosongan bagi kumpulan perkeranian dan kerja-kerja yang berkaitan, kekal pada paras yang hampir sama iaitu 3,914 kekosongan (Januari hingga Julai 1998: 3,981).

Kerajaan akan terus mengembangkan institusi latihan teknikal dan vokasional untuk memenuhi permintaan ke atas buruh mahir. Sehingga kini sejumlah 65 buah sekolah vokasional telah dinaiktaraf kepada sekolah teknik. Untuk politeknik pula, dua politeknik baru telah dibina (di Melaka dan di Terengganu) sebagai tambahan kepada 12 politeknik yang sedia ada dalam negara. Pada tahun 1999, seramai 8,000 pelajar dijangka akan keluar daripada politeknik ini. Pada tahun hadapan, sebuah lagi politeknik akan dibina di Perlis.

Kurikulum sentiasa dikaji semula dari masa ke semasa bagi memastikan pelajar-pelajar dapat memenuhi perubahan keperluan sebuah ekonomi moden. Elemen teknologi maklumat (IT) telah dimasukkan dalam kurikulum sains. Pada masa akan datang, mikroelektronik akan dimasukkan dalam kurikulum fizik. Menjelang tahun 2005, sebanyak 1,565 buah sekolah menengah dan 7,242 sekolah rendah dibekalkan dengan makmal komputer. Sebagai tambahan, projek perintis sekolah bistari yang melibatkan 90 buah sekolah telah dilancarkan. Adalah dijangkakan kesemua 9,000 sekolah dalam negara akan menjadi sekolah bistari.

Menjelang tahun 2000, permohonan kemasukan ke institusi pengajian tinggi tempatan dijangka meningkat lebih tinggi. Jumlah enrolmen dijangka meningkat daripada 190,623 pada tahun 1998 kepada 243,143 pada tahun 2000. Institusi pengajian swasta juga dijangka meningkatkan enrolmen mereka, samada melalui pengembangan kemudahan fizikal atau melalui institusi baru yang bakal diluluskan. Kerajaan, melalui Lembaga

Jadual 7.5

Malaysia: Perbandingan Di Antara Pencari Kerja Aktif dan Kekosongan Baru Mengikut Negeri

	<i>Pencari Kerja Aktif¹</i>			<i>Kekosongan Baru</i>		
	<i>Julai 1998</i>	<i>Julai 1999</i>	<i>Perubahan (%)</i>	<i>Jan-Julai 1998</i>	<i>Jan-Julai 1999</i>	<i>Perubahan (%)</i>
Perlis	608	636	4.6	229	262	14.4
Kedah	2,944	3,237	10.0	2,255	1,775	-21.3
Pulau Pinang	1,313	1,395	6.2	13,907	3,703	-73.4
Perak	2,222	2,211	-0.5	2,626	1,759	-33.0
Selangor	2,517	2,823	12.2	4,886	5,407	10.7
Negeri Sembilan	1,657	1,772	6.9	1,142	1,391	21.8
Melaka	675	620	-8.1	476	516	8.4
Johor	2,338	2,824	20.8	7,108	4,872	-31.5
Pahang	2,030	2,509	23.6	2,214	1,849	-16.5
Terengganu	3,547	3,284	-7.4	2,218	2,107	-5.0
Kelantan	1,665	1,652	-0.8	1,362	1,179	-13.4
Wilayah Persekutuan	6,104	6,797	11.4	1,582	1,408	-11.0
Sabah	4,056	4,148	2.3	2,569	1,614	-37.2
Sarawak	2,838	3,407	20.0	3,628	29,372	709.6
JUMLAH	34,514	37,315	8.1	46,202	57,214	23.8

¹ Angka terkumpul

Sumber: Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Sumber Manusia

Akreditasi Negara, akan memastikan bahawa kualiti pendidikan yang ditawarkan oleh institusi swasta adalah tinggi dan termampu oleh rakyat, manakala tahap pengajaran dan pembelajaran adalah sama dengan institusi awam. Kerajaan akan juga meluluskan lebih banyak kolej swasta untuk melaksanakan program ijazah "3+0" yang membolehkan seseorang pelajar menamatkan keseluruhan tempoh belajarnya di Malaysia. Sehingga akhir 1999, keseluruhan bilangan kolej dan universiti swasta akan meningkat kepada 398 daripada 365 pada akhir 1998.

Pada 1 Januari 1993, Kerajaan telah menubuhkan Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) untuk menggalakkan latihan bagi pekerja di sektor swasta yang dibiayai melalui levi. Walau bagaimanapun, dengan teretusnya krisis kewangan pada tahun 1997, pungutan levi telah ditangguh. Levi telah dikutip semula pada Ogos 1998 dengan hanya syarikat-syarikat yang mendapat untung sahaja dikehendaki membayar levi. Syarikat dalam industri yang mengalami penurunan dalam pengeluaran mereka atau menghadapi masalah kewangan dikecualikan

daripada levi sehingga 11 Ogos 1999. Pada 30 Jun 1999, sejumlah RM596 juta telah dipungut, dan sejumlah RM666 juta digunakan bagi melatih 2.26 juta pekerja. Terdapat permintaan yang tinggi bagi latihan dalam bidang teknikal, dalam bidang untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti dan juga komputer serta kemahiran pengurusan. HRDF akan memperluaskan skop latihan bagi meliputi institusi pendidikan swasta yang mempunyai lebih daripada 10 pekerja rakyat Malaysia.

Bilangan pemberhentian pekerja yang dilaporkan telah berkurangan dengan ketara kepada 1,328 pekerja pada bulan Ogos 1999 daripada 12,335 pekerja pada bulan Julai 1998 iaitu pemberhentian tertinggi yang dilaporkan semenjak krisis kewangan tercetus. Bagi tempoh Januari hingga Julai 1999, seramai 24,036 pekerja telah diberhentikan iaitu penurunan 53.6% berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu. Daripada jumlah tersebut, seramai 94.4% daripadanya adalah pekerja tempatan dan

5.6% merupakan pekerja asing. Sebahagian besar pemberhentian (43.5%) adalah di Selangor melibatkan seramai 5,969 pekerja dan Kuala Lumpur seramai 4,477 pekerja. Sektor perkilangan telah memberhentikan seramai 13,107 pekerja atau 54.5% daripada jumlah keseluruhan pemberhentian pekerja.

Walaupun keadaan pasaran buruh bertambah baik, tekanan **upah** terus kekal sederhana. Berdasarkan kajian bulanan oleh Jabatan Perangkaan ke atas industri perkilangan, purata upah nominal setiap pekerja merosot 1% bagi tempoh tujuh bulan pertama 1999 berbanding dengan peningkatan sebanyak 6.4% bagi tempoh yang sama tahun 1998. Begitu juga, bilangan perjanjian upah bersama di sektor swasta pada tahun 1999 turut merosot. Perjanjian bersama ini hanya meliputi 2% daripada jumlah tenaga kerja di seluruh negara. Perjanjian upah yang ditandatangani dalam sektor perkilangan bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini memberikan

Jadual 7.6

Malaysia: Perjanjian Upah Sektor Swasta

	Bilangan Perjanjian		Bilangan Pekerja Terlibat		Peningkatan Upah Purata (%)	
	1998	1999 ¹	1998	1999 ¹	1998	1999 ¹
Perkilangan	146	55	37,175	14,174	8.0	6.8
Perdagangan	23	13	4,240	1,157	8.0	3.9
Pengangkutan	37	13	42,389	3,486	8.0	9.9
Perkhidmatan	52	12	50,419	3,495	14.0	8.1
Pertanian	11	9	6,665	51,964	13.0	16.1
Perlombongan	4	1	160	9	11.0	4.0
Elektrik	0	4	0	9,417	0.0	3.0
Pembinaan	1	0	152	0	10.0	0.0
Lain-lain	10	6	1,171	441	11.0	8.4
JUMLAH	284	113	142,331	84,143	9.2	6.7

¹ Januari-Jun

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

peningkatan purata upah sebanyak 6.8%. Manakala di sektor pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan, peningkatan purata upah adalah lebih tinggi iaitu sebanyak 9.9%.

Kajian itu juga menunjukkan purata upah benar setiap pekerja terus merosot sebanyak 5% (Januari hingga Julai 1998: -10.1%) memandangkan kenaikan upah adalah lebih perlahan berbanding dengan kenaikan hasil jualan. Dalam pada itu, produktiviti buruh yang berasaskan kepada jumlah keluaran setiap pekerja menunjukkan peningkatan kecil 0.4% bagi tempoh tujuh bulan pertama 1999 (Januari hingga Julai 1998: -3.1%), sebahagiannya kerana kadar kenaikan yang tinggi dalam keluaran berbanding kenaikan dalam gunatenaga. Oleh itu, unit kos buruh terus merosot 5.4% untuk tempoh yang sama (Januari hingga Julai 1998: -7.2%), yang akan membolehkan keluaran Malaysia menjadi lebih kompetitif dalam pasaran antarabangsa. Memandangkan ekonomi dijangka kembali meningkat kukuh pada separuh kedua tahun 1999, produktiviti dijangka akan terus meningkat. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan yang menggalakkan peningkatan upah berasaskan produktiviti.

Dalam tempoh Januari hingga Julai 1999, terdapat tujuh kes mogok pekerja. Ini telah mengakibatkan kehilangan bilangan hari kerja meningkat lebih dari lima kali ganda kepada 8,568 berbanding dengan 1,479 bagi tempoh yang sama pada tahun 1998. Sektor perkilangan mengalami

kehilangan bilangan hari kerja tertinggi. Pertelingkahan industri yang melibatkan 2,459 pekerja adalah berkaitan dengan terma dan syarat kerja serta pemberhentian.

Kerajaan meneruskan dasar untuk mengurangkan pergantungan terhadap **pekerja asing**. Walau bagaimanapun, kekurangan pekerja-pekerja yang terlatih pada masa ini terutamanya dalam sektor perkhidmatan telah menyebabkan Kerajaan membenarkan pekerja-pekerja asing sedia ada memanjangkan tempoh permit kerja. Sementara itu, sebagai langkah untuk meningkatkan gunatenaga, Kerajaan telah memperkenalkan peraturan baru yang mewajibkan pihak hotel dan pusat hiburan mengambil pekerja tempatan. Sehingga Julai 1999, bilangan pekerja asing berkurangan kepada 715,145 berbanding dengan 1,033,497 pekerja pada tahun lepas, sebahagian besarnya disebabkan oleh penghantaran pulang buruh asing semenjak awal 1998. Kebanyakan pekerja asing bekerja di sektor perkilangan (227,003 pekerja atau 31.7% daripada jumlah keseluruhan pekerja asing yang berdaftar). Kementerian Dalam Negeri, dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Imigresen sedang merangka garis panduan bagi menentukan jenis pekerjaan dan sektor yang boleh mengambil pekerja-pekerja asing agar sejajar dengan matlamat Kerajaan untuk mengurangkan bilangan pekerja asing di samping mempercepatkan pengeluaran secara intensif modal.